

BIDANG KERJASAMA 6:

MEMPERLUAS PERANAN MABIMS KE DUNIA LUAR

Semangat kebersamaan dan setia kawan antara negara MABIMS telah dipraktikkan melalui perkongsian kemahiran pengalaman, bantuan kemanusiaan dan kewangan. Kerjasama yang erat dalam kalangan negara-negara MABIMS perlu diperluaskan ke peringkat luar rantau MABIMS. Usaha-usaha ini dapat menonjolkan wajah Islam yang sebenar sebagai agama yang membawa rahmat kepada seluruh alam (*Rahmatan lil 'Alamin*) di mata dunia. Pelbagai aktiviti dan program yang direncana bertujuan mengeratkan lagi hubungan MABIMS dengan dunia luar dalam apa jua bidang dan bentuk bantuan yang pastinya dapat memperlihatkan MABIMS sebagai kesatuan yang berwibawa dan agresif.

STRATEGI DAN FORMULASI:

- Strategi 1: Pembangunan Kemudahan Pendidikan
Program:
 - Projek Prasarana Sekolah (Sokongan projek prasarana sekolah agama di negara-negara minoriti Islam).

- Strategi 2: Pembangunan Bidang sosial.
Program:
 - Perkongsian kaedah terbaik (Latihan kemahiran cerapan falak di negara-negara minoriti Islam).

- Strategi 3: Pembangunan Bidang Muamalat.
Program:
 - Perkongsian kaedah terbaik (Kaedah pungutan dan agihan zakat).
 - Perkongsian kaedah terbaik (kaedah pengurusan wakaf).

NEGARA PENYELARAS: MALAYSIA.